

Kaedah Tafsiran al-Quran Halo-N di dalam Buku *al-Fathun Nawa*

Noor Hanisah Abdul Halim¹ & Wan Nasyrudin Wan Abdullah²

Emel: ¹nisah_2491@yahoo.com, ²tokwedin@ukm.edu.my

¹Calon sarjana di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

²Pensyarah kanan di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Buku tafsir *al-Fathun Nawa* adalah sebuah karya yang dikarang oleh Halo-N atau nama sebenar beliau ialah Haji Ahmad Laksamana Bin Haji Omar. Buku *al-Fathun Nawa* ini merupakan sebuah buku kajian al-Quran yang mengandungi pentafsiran yang mengaitkannya dari sudut konteks ilmu duniawi dan ukhrawi. Namun, didapati pengarang menggunakan kaedah yang berbeza daripada kaedah ulama-ulama tafsir sebelum ini. Menurut Halo-N, ia adalah suatu kelainan yang ingin dibawa bersesuaian dengan sifat al-Quran sebagai sebagai ibu pencetus ilmu di semua bidang meliputi ilmu duniawi dan ukhrawi. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan buku tafsir *al-Fathun Nawa* dan mengkaji metode pentafsiran yang diaplakisikan dalam perbahasan buku ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Analisis dokumen dan temubual bersama tokoh digunakan sebagai kaedah pengumpulan data. Kemudian, data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan teknik deskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pendekatan tafsir atau penghuraian ayat-ayat al-Quran yang diaplakisikan oleh Halo-N menggunakan kaedah tersendiri dan tidak menepati kaedah tafsir yang diaplakisikan dalam konteks tafsir *bi al-ma'thur* atau tafsir *bi al-ra'y* dan tanpa berpandukan pada mana-mana rujukan jumhur ulama terutama dalam bidang tafsir. Implikasi kajian menunjukkan bahawa buku *al-Fathun Nawa* ini tidak sesuai dijadikan rujukan bagi masyarakat dalam memahami al-Quran dan seharusnya mencari rujukan yang lebih berautoriti yang telah disepakati kesahihannya bagi mengelakkan salah faham dan penyelewengan.

Kata Kunci: Buku *al-Fathun Nawa*, Halo-N, *tafsir bi al-ma'thur*, *tafsir bi al-ra'y*, penyelewengan

Abstract

The Book of *al-Fathun Nawa* written by Halo-N or his real name is Haji Ahmad Laksamana Bin Haji Omar. *Al-Fathun Nawa*, a book based on al-Quran contents which implies the interpretation from the context of worldly and the hereafter. However, the author had used different methodology compared to other interpretation scholars. According to Halo-N, it was a new methodology which follows the al-Quran as the main source of all fields of knowledge including worldly and the hereafter. Therefore, this study is to introduce *al-Fathun Nawa* and to examine the interpretation method that had been used in this tafsir. The study uses a qualitative approach with content analysis design. Document analysis and interviews with figures were used as a means of data collection whereby all collected data were analysed using descriptive techniques. The finding showed that the method of al-Quran's interpretation that had been used by Halo-N was distinctive and not accordingly to the context of *tafsir bi al-ma'thur* or *tafsir bi al-ra'y* and also not referring to any references by Quranic exegesis scholar (*jumhur ulama*) in the knowledge of Quranic exegesis. As the result of this study, *al-Fathun Nawa* is not relevant or suggested to be used in understanding the al-Quran and authority references need to be referred in order to avoid misunderstanding and deviation.

Keywords: The book of *al-Fathun Nawa*, Halo-N, *tafsir bi al-ma'thur*, *tafsir bi al-ra'y*, deviation

1. Pengenalan

Perubahan zaman menyebabkan ilmu tafsir terus berkembang dalam usaha untuk memahami isi kandungan al-Quran sesuai dengan sesuatu zaman. Menurut Atabik Luthfi (2004) dalam kajian tesis Doktor Falsafah beliau, fenomena yang tidak kurang menariknya berlaku khususnya di Indonesia ialah usaha memberikan tafsiran terhadap ayat al-Quran ternyata bukan hanya dilakukan oleh para ulama yang memiliki autoriti dalam bidang ini, namun sudah menjadi kebiasaan berbagai kalangan daripada kalangan pendakwah, asatizah, penceramah, bahkan para cendiakawan (intelektual) dalam bidang sosial mahupun sains dan teknologi. Usaha ini untuk menyakinkan hujah dan membentarkan pernyataan dan pendapat mereka. Melihat kepada latar belakang Halo-N, penulis mendapatkan kajian terhadap karya Halo-N ini masih belum banyak lagi, ini memberi ruang kepada penulis untuk mengkaji berkenaan buku *al-Fathun Nawa*.

Oleh itu, objektif artikel ini ialah untuk memperkenalkan buku *al-Fathun Nawa* dan menganalisis metodologi penulisan dan juga pendekatan tafsir yang diaplikasikan oleh Halo-N. Data dikumpulkan melalui kaedah analisis kandungan dan temubual. Kemudian, dianalisis secara deskriptif.

2. Latar Belakang Haji Ahmad Laksamana Haji Omar (Halo-N)

Halo-N atau nama sebenar beliau ialah Haji Ahmad Laksamana bin Haji Omar. Beliau dilahirkan pada 22 Julai 1954 dan merupakan kelahiran Gual Periorek di bawah jajahan Pasir Mas, Kelantan. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Dr. Halo-N dalam bidang penulisan berbanding nama sebenar beliau. Ayah beliau bernama Haji Omar bin Haji Othman dan ibunya pula bernama Hajjah Wan Fatimah binti Wan Salleh. Ketika beliau berusia lapan belas bulan (1 tahun 6 bulan), beliau telah dijaga oleh datuknya bernama Haji Othman bin Haji Yaakob kerana kedua ibu dan bapanya telah berpisah. Sejak itu, beliau telah dijaga dan dididik oleh datuknya.

Beliau mempunyai lima orang anak hasil perkongsian hidup dengan Nawiah Haji Salleh. Antaranya ialah Norazamiah, Norazlina, Mohd Hafizul, Mohd Norazwan dan Nor Fadhliah (Halo-N 2015a, 2016a). Isteri beliau adalah pendokong kuat dan utama terhadap usaha Halo-N menghasilkan karya penulisan sebegini.

Antara faktor yang mendorong Halo-N menghasilkan penulisan buku-buku adalah daripada sokongan keluarga. Al-Quran menjadi tema utama perbincangan beliau dalam penulisan kerana minat dan juga beliau merasakan perlunya kepada pengkajian terhadap isi ayat-ayat al-Quran lebih mendalam. Beliau berpendapat kaedah pentafsiran ayat-ayat al-Quran *conventional* (kaedah yang lazim digunakan oleh ahli-ahli tafsir sebelum ini) adalah sudah tidak relevan lagi dengan zaman sekarang. Kaedah-kaedah yang sebelum ini digunakan seperti dari segi kaedah bahasa Arab dan sebagainya tidak lagi sesuai dengan arus pemodenan kehidupan manusia zaman sekarang dalam usaha memahami al-Quran (Halo-N 2016e).

Dalam bidang pendidikan, Halo-N mula mempelajari al-Quran ketika di awal usianya. Beliau mendapat didikan dan asuhan dari datuknya yang juga turut menjaganya. Datuk beliau iaitu, Haji Othman bin Haji Yaakob merupakan guru pengajian al-Quran pada zaman tersebut. Haji Othman juga dikatakan menjadi salah seorang anak murid kepada Tok Kenali. Menurut (Abdullah al-Qari 2009), Tok Kenali atau nama sebenarnya Muhammad Yusuf bin Ahmad seorang tokoh ulama tanah air yang lahir pada tahun 1870 di Kampung Kubang Kerian, Mukim Kenali, Kota Bharu Kelantan. Beliau juga dikenali sebagai seorang tokoh ilmuan, ulama dan guru di Nusantara pada awal abad ke-20 Masihi. Tok Kenali mendalami pengajian agama di Kota Makkah selama lebih kurang 22 tahun. Sebagai tokoh ilmuan, Tok Kenali telah membawa pembaharuan terhadap pemikiran umat Islam dengan mengutarkan kitab suci al-Quran sebagai panduan hidup. (Abdullah al-Qari 2006). Kemungkinan di dalam Halo-N mempelajari dan memahami al-Quran, beliau banyak dibentuk dan dipengaruhi oleh datuknya sendiri sejak dari kecil lagi.

Kemudian, Halo-N memaklumkan beliau pernah belajar di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) atau kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia pada sekitar tahun 1970-an. Beliau menyatakan mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang *biochemistry* (bio-kimia), *Future Monetary Prediction dan Mathematical Engineering*. Dari segi latar belakang pendidikan, Halo-N tidak menjelaskan secara keseluruhan melainkan sebahagian sahaja atas sebab-sebab tertentu dari pihak Halo-N sendiri. Namun, tidak dapat dipastikan maklumat keseluruhan tentang latar belakang pendidikan beliau sejak sekolah rendah sehingga peringkat tertinggi dan bidang pengajian yang dipelajari.

Selain menghasilkan penulisan *buku al-Fathun Nawa*, Halo-N juga menghasilkan karya-karya yang lain antaranya, *Halawa al-Fathun Nawa*, *Tadabbarul Qurāna Tartīla*, *Khazanah Malaya*, dan *Patisari Khazanah Malaya*. Kesemua buku-buku ini turut diterbitkan di bawah penerbitan *Hafizul Publications*. Selain terlibat dengan bidang penulisan, beliau turut sering ke luar negara kerana mendapat jemputan untuk berbincang mengenai idea dan isi kandungan penulisan beliau ini. Antara tempat yang pernah beliau pergi iaitu, Moscow, Greece dan beberapa tempat lagi. Ini kerana disebabkan pengiktirafan yang telah beliau peroleh sebagai Saintis Pertama al-Quran di Dunia (*The First al-Quranic Scientist of The World*) oleh *GUSI Peace Prize International* yang berpusat di Manila, Filipina (<http://www.gusipeaceprizeinternational.org/past-laureates>).

Dari segi kerjaya, beliau juga telah dilantik sebagai ketua di *World Philosophical Forum (WPF)* di *United Nations* – (UNESCO) bagi Malaysian National branch dimana beliau telah dimandatkan dan diberi amanah untuk menerajui hala tuju dan perkembangan WPF di Malaysia. Halo-N turut dipilih menjadi professor di *Universal State of Earth (USE)* (<http://www.wpf-unesco.org/eng/univ/prof.htm>), *United Nations-World Philosophical Forum (WPF)* khusus dalam bidang Ideologi Islam (<http://wpf-unesco.org>). Selain itu, beliau merupakan pengasas dan penasihat utama Yayasan Gual Periorek di Kelantan dan juga sebagai aktivis sosial (Halo-N 2015a, 2016a).

Sehingga kini Halo-N masih aktif lagi dalam menghasilkan penulisan terutama buku *al-Fathun Nawa* dengan menghasilkan jilid yang seterusnya.

3. Pengenalan Buku *al-Fathun Nawa*

Setakat ini, Halo-N sudah menghasilkan empat jilid buku *al-Fathun Nawa* yang bermula penulisannya dari tahun 2007. Menurut Halo-N, seperti yang dinyatakan dalam mukadimah buku ini, Halo-N mula menulis jilid pertama pada 15 November 2007 dan siap penghasilan penulisan pada 28 Disember 2010. Kemudian, bagi jilid yang kedua mula ditulis pada 28 Mac 2008 sehingga siap pada 22 Julai 2012. Bagi jilid ketiga pula dimulakan pada 3 April 2008 sejurus menyiapkan jilid keduanya tetapi tidak dinyatakan bila disiapkan. Kemudian jilid keempat telah disiapkan pada tahun 2016. Tiga jilid ini telah diterbitkan setelah mendapat semakan dan penilaian dari pasukan penyemak dalam bidang agama dan sains dan diterbitkan oleh *Hafizul Publications* (Halo-N 2015a, 2016a). Namun, menurut dalam satu akhbar *Utusan* bertarikh 11 Jun 2014 mengatakan bahawa Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mewarta perintah larangan penerbitan terhadap buku tafsir jilid pertama berkuat kuasa 21 Mei 2014 mengikut seksyen 7 (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Anon 2014). Namun begitu, pengkaji berpendapat penting untuk mengkaji dan mengenal pasti metode penulisan Halo-N yang sebenar sehingga dilarang penerbitannya.

Buku ini mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran, dengan menggunakan kaedah tersendiri Halo-N dan penerangan logik akal berdasarkan kata kunci “Tuhan-Quran-Furqan-Manusia-Kemanusiaan”. Dinamakan

al-Fathun Nawa yang bermaksud ‘letusan nuklear’. Halo-N (2015a, 2016a) menyatakan, mengapa dipilih tajuk sedemikian kerana:

“Berdasarkan kepada *ruhul ma’ani* perkataan *al-Fathun Nawa* yang boleh di-*mubahagha*-kan (metafora) pada erti ‘Cetusan Nuklear’ (*Explosion of Nuclear*). Selain itu, di suasannya amat relevan dengan al-Quran sebagai punca rahmat sekalian alam.”

Selain itu, sebab dinamakan dengan *al-Fathun Nawa* ini adalah interpretasi daripada firman Allah S.W.T:

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْفُرْقَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتُهُ خَاسِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْبِهِ اللَّهُ وَتِلْكَ الْأَمْتَالُ نَصْرٌ هُمْ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

(al-Quran, al-Hasyr 59:21)

Maksudnya:


Jika sekiranya Kami turunkan Quran ini ke atas gunung. Nescaya engkau lihat gunung itu tunduk dan terbelah kerana takut kepada Allah. Itulah contoh Kami berikan untuk manusia. Mudah-mudahan mereka memikirkannya (Terjemahan dari buku *al-Fathun Nawa*).

Dalam jilid pertama, Halo-N menyebutkan telah menghasilkan empat teori dan formula sains dalam bidang sains *Natural Products* (Sebatian Semulajadi). Antaranya *Teori The Nine Stars Halo-N*, *Teori Nawiah 9X45 (1)*, *Teori Nawiah 9X45 (2)*, *Teori Halo-N 9.2 Homolength*) melalui kajian di dalam al-Quran dan telah mendapat semakan dan pengiktirafan dari sekumpulan penyelidik *Central of Natural Products* (CENAR) Universiti Malaya yang diketuai oleh Allahyarham Professor Datuk Dr. A. Hamid. A. Hadi dan dibantu oleh Dr. Hanita Omar yang ketika itu sedang menyiapkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah pada tahun 2010. Antaranya *Teori The Nine Stars Halo-N*, *Teori Nawiah 9X45 (1)*, *Teori Nawiah 9X45 (2)*, *Teori Halo-N 9.2 Homolength* (Halo-N 2015a).

Buku ini juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Buku yang penulis guna sebagai rujukan kajian dalam ini ialah dalam versi bahasa Melayu. Selain itu, menurut Halo-N buku ini telah tersebar di 84 buah negara di seluruh dunia (Halo-N 2016a).

4. Analisis Metodologi Pentafsiran Buku *al-Fathun Nawa*

Metode penulisan buku ini dibuat dengan menghuraikan semua ayat al-Quran berdasarkan susunan ayat-ayat al-Quran dalam *mushaf uthmani* bermula dengan surah al-Fatiyah. Setiap ayat yang terkandung di dalam al-Quran diterangkan oleh mana-mana ayat al-Quran berdasarkan konsep penulisan Halo-N iaitu, konsep: al-Quran mentafsir al-Quran. Namun didapati Halo-N menggunakan lebih banyak kaedah *tafsir bi al-ra’yi* dalam menghuraikan ayat-ayat al-Quran.



Rajah 1: Kulit hadapan dan belakang buku

Gaya Penulisan

Buku ini ditulis dengan tulisan rumi dengan *font Arial* dan bersaiz 12. Menurut Halo-N, setiap jilid penulisan buku ini akan dibuat pada ketebalan lebih kurang 1500 muka surat. Di mana pada setiap juzuk ayat al-Quran akan diterangkan di dalam tiga jilid yang akan ditulis dari semasa ke semasa .Ini bermaksud Halo-N muh menghuraikan setiap ayat al-Quran secara mendalam dan panjang lebar. Manakala ayat-ayat al-Quran pula ditulis menggunakan *rasm 'uthmani* dan juga ditulis dengan tulisan rumi mengikut sebutan (Halo-N 2015a, 2016a).

Teknik Pentafsiran dan Gaya Bahasa

Dalam penulisan buku *al-Fathun Nawa*, Halo-N menggunakan pendekatan yang tersendiri. Halo-N mengaplikasikan pentafsiran al-Quran dengan menggunakan kaedah al-Quran mentafsirkan al-Quran, iaitu menghuraikan makna sebahagian potongan ayat al-Quran dengan bersumberkan kepada ayat al-Quran yang lain. Jika difahami, kaedah pentafsiran al-Quran dengan al-Quran juga turut dilakukan oleh para mufassir sebelum ini yang termasuk dalam kaedah tafsir *bi al-ma'thur*. Namun, mereka bukan sahaja menggunakan al-Quran, tetapi juga menggunakan hadith, penjelasan para sahabat dan para tabi'en (Manna al-Qatan 1997, Ibn Taymiyyah t.th, Thameem Ushama 2000).

Penggunaan istilah menghuraikan ayat-ayat al-Quran tersebut pula, Halo-N menggunakan istilah pentafsiran berbanding menggunakan pentafsiran. Dari segi rujukan, Halo-N juga tidak merujuk mana-mana kitab dalam huraian beliau, termasuklah rujukan dalam bidang tafsir. Beliau hanya menggunakan rujukan dari segi terjemahan ayat-ayat al-Quran. Antara rujukan bagi terjemahan ayat al-Quran adalah kitab *Tafsir al-Azhar* oleh Hamka (1984), kitab *Tafsir Quran Karim* oleh Mahmud Yunus (1973), *The Noble Quranul Karim* oleh Muhammad Taqiuin Al-Hali (1993,) *Terjemahan Pra Kata* oleh Departmen Agama RI (2007), *Tafsir Per Kata* oleh Ahmad Hatta MA (2009) dan *al-Furqan fi Tafsir Quran* oleh A. Hassan (2010). Oleh sebab itu, terjemahan beliau mempunyai kelainan dari yang biasa digunakan.

Menurutnya, al-Quran sebagai punca segala ilmu dan juga menjadi sumber pentafsiran bagi ayat al-Quran yang lain. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T pada surah al-Zukhruf ayat 4.

Berdasarkan terjemahan ayat al-Quran diatas, Halo-N menggambarkan al-Quran sebagai ibu pencetus ilmu di semua bidang meliputi ilmu dunia dan ukhrawi. Dengan itu, ia mampu menghasilkan pemahaman dan *furqan* (inovasi atau pembaharuan) yang boleh dijadikan sebagai panduan dan pegangan dalam kehidupan manusia (Halo-N 2015a, 2016a).

Gaya penulisan berbentuk soalan dan jawapan. Dalam setiap peringkat bab huraian al-Quran terdapat penulisan berbentuk soalan dan jawapan seperti contoh di atas. Halo-N menggunakan konsep ini adalah untuk memudahkan pembaca memahami dan menerima penerangan yang diberi dalam penulisan buku ini. Selain itu, buku ini dikarang menggunakan tulisan rumi dengan gaya bahasa Melayu yang moden yang boleh difahami oleh pembaca. Namun, Halo-N juga menggunakan perumpamaan dalam kerangka menjelaskan sesuatu perkara ataupun perbuatan. Selalunya perumpamaan tersebut dikaitkan dengan alam semulajadi. Sebagai contoh:

“Lalu ingatlah anak cucu, berilmu tinggi tetapi gagal menjana kewangan sendiri. Tidak ubah bagai dirinya seekor ayam berparuh. Tetapi buta memagut padi di kaki sendiri” (Halo-N 2015a).

Selain itu, terdapat juga penggunaan istilah dalam bahasa Inggeris. Sebagai contoh, *ingredient*, *abstract*, *keyword*, *pattern*, *covensional*, *discovery*, *design*, *hear-say*, *theory* dan *invention*. Hal ini disebabkan latar belakang Halo-N yang berpendidikan dalam bidang sains. Secara tidak langsung telah mempengaruhi gaya tulisan Halo-N dalam penulisan buku tersebut.

Terdapat juga penggunaan istilah-istilah Arab yang digunakan oleh Halo-N di dalam penulisan buku tafsirnya tersebut, contohnya perkataan *Iqra'*, *Furqan*, ‘*Abidin*, *Ummul Qur'an*, *Dhabit*, *al-Bayan*, *al-Aayah*, *al-Burhan*, *Ruhul Ma'ani*, *khitab*, *ulu-albab*, *ulu-albasaar*, *ahli Zikri* dan *az-Zaakiriin*. Penggunaan bahasa-bahasa dan juga istilah ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pembaca dalam memahami buku tafsir tersebut (Halo-N 2015a, 2016a).

Kaedah Pentafsiran *al-Fathun Nawa*

Halo-N telah menghasilkan dua belas kaedah pentafsiran ataupun pentafshilan (Halo-N menggunakan istilah ini).

Menurut Halo-N lagi, tujuan pembentukan kaedah ini juga disebabkan oleh pertanyaan dan permintaan dari pembaca *al-Fathun Nawa* yang telah membaca buku ini yang mahu beliau perjelaskan lagi kaedah-kaedah yang telah digunakan. Selain itu, kaedah ini juga dibentuk dari idea dan pandangan dari Halo-N sendiri tanpa mengambil mana-mana panduan atau rujukan kitab selain al-Quran itu sendiri. Antara kaedah-kaedah pentafshilan al-Quran seperti berikut:

a. Pentafshilan peringkat *Ta'wilul Ma'ani*

Ta'wilul Ma'ni ialah satu kaedah bagi mengumpul maklumat dan dibuat kesimpulan mana-mana ayat al-Quran yang dihuraikan yang dapat menghasilkan pemahaman seterusnya menjadi pegangan dalam kehidupan (Halo-N 2015a, 2016a). Berdasarkan firman Allah S.W.T pada surah al-Jathiyyah ayat 20.

b. Pentafshilan peringkat *Asbabul Ma'ani*

Konsep pentafsiran ini adalah berasaskan soalan tentang huraian kepentingan satu ayat al-Quran melalui ayat-ayat al-Quran yang lain, serta diselitkan dengan persoalan sebab kenapa dan mengapa satu-satu ayat al-Quran itu dibuat oleh Allah SWT. Kemudian terhasil pemahaman yang mendalam terhadap kepentingan dan sebab-

sebab ayat al-Quran tersebut diturunkan bagi memberi petunjuk dan pendidikan kepada manusia di rupa rahmat keagungan-Nya. Berdasarkan firman Allah S.W.T pada surah al-Kahfi ayat 83-85.

- i) Contoh pada jilid pertama, bab malam muka satu pada peringkat di wajah ketiga (Baca dengan mendefinisi ayat):

Furqan Ma'ani

Al-Fatihah :1

Soalan: Apakah rupa pembaharuan kemanusiaan (di rupa *Furqan Ma'ani*) yang hendak diperkenalkan oleh Allah Ta'ala kepada manusia melalui ayat: 1 surah al-Fatihah: *Bismillahir Rahmaanir Rahiim*. (Dengan Nama Allah. Yang amat Pemurah lagi Maha Penyayang):

Jawab: Sesungguhnya melalui ayat ini, Allah Ta'ala telah memperkenalkan satu ibu *ingredient* pembaharuan kemanusiaan di rupa petua:

“Bahawasanya dalam hidup dan kehidupan di muka bumi. Manusia kenalah mengerti dan mengetahui bahawa pada setiap pekerjaan dalam mengarca hidup dan kehidupan di muka bumi hendaklah ianya dibuat di atas nama Tuhan sekelian alam, agar pekerjaan yang dibuat akan membawa kejayaan...” (Halo-N 2015a).

c. Pentafsiran peringkat *Tamsilul Hijab*

Konsep pentafsiran *Tamsilul Hijab* dimaksudkan sebagai satu pendekatan merungkai dan membuka rahsia al-Quran sehingga ianya ia dapat menghasilkan teori-teori al-Quran (Halo-N 2015a, 2016a).

- i) Contoh pada jilid pertama, bab malam muka satu di peringkat di wajah keempat (Baca dengan mendefinisi Istilah ketika menghuraikan surah al-Fatihah. Halo-N menjelaskan maksud Rabb-Tuhan dan di datangkan surah as-Saffat ayat 4-5 (Halo-N 2015a):

Penerokaan Teori al-Quran

(Surah as-Saffat 37:4-5):

Mendesign-kan satu teori al-Quran (*The theory of Noble al-Quran*) adalah di rangka satu teori al-Quran di bidang sains kerohanian yang berbunyi:

“Manusia dan fitrah kejadiannya tetap memerlukan Tuhan. Satu kuasa tunggal yang berupaya memberi pertolongan, rezeki, nikmat dan kesejahteraan kepada hambaNya di dunia dan di akhirat.” Bincang-bincanglah (Halo-N 2015a, 2016a).

d. Pentafsiran peringkat Naba'ul Furqan

Konsep pentafsiran *Naba'ul Furqan* adalah satu konsep pentafsiran yang mampu menghasilkan teori atau formula dalam bidang keilmuan. (2015a, 2016a).

Maksudnya, pada peringkat ini akan menghasilkan teori dan formula dalam bidang keilmuan yang boleh digunakan dan dimanfaatkan untuk kehidupan di dunia dan akhirat. Seperti yang dimaklumkan dalam mukadimah sebelum ini, antaranya dalam bidang pendidikan, ekonomi, kemanusian dan sains. Sebagai contoh

penemuan dalam bidang sains, iaitu *teori Halo-N 9.2 Homolength* pada surah al-Rahman ayat 16 dan ayat 19-20 ketika mentafsirkan surah al-Fatihah.

e. Pentafshilan peringkat Hujjatul Balighah

Kaedah pentafsiran atau pentafshilan pada peringkat *Hujjatul Balighah* diperkenalkan oleh Halo-N untuk membuktikan bahawa al-Quran adalah sebuah kitab yang disusun dan tersusun rapi berdasarkan ayat (Surah al-Jathiyyah 45:29) dan bukan yang berterburu seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak (Halo-N 2016a).

- i) Contoh pada jilid pertama (bab malam muka satu pada peringkat baca dengan soalan):

Berasaskan kenyataan ayat (al-Fatihah: 1)

Soalan: Kenapakah kena kata begitu?

Jawab: Memuji Allah, Tuhan kamu berkata:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

(al-Quran, al-Fatihah 1:2)

Maksudnya:

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam (Terjemahan dari buku *al-Fathun Nawa*).

Berasaskan kenyataan ayat (al-Fatihah: 2)

Soalan: Maka siapakah Dia Allah, Tuhan sekalian alam itu?

Jawab: Itulah Dia, diri zat yang bersifat:

الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

(al-Quran, al-Fatihah 1:3)

Maksudnya:

Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang (Terjemahan dari buku *al-Fathun Nawa*).

Berdasarkan contoh diatas, Halo-N beranggapan bahawa ayat al-Quran telah tersusun dengan baik dan ayat selepas itu terdapat keisianambungan ayat sebelumnya dengan bentuk soalan yang dikemukakan.

f. Pentafshilan peringkat Khitabus Sail

Konsep kaedah *Khitabus Sail* bermaksud kaedah pentafshilan ayat-ayat al-Quran berdasarkan persoalan terhadap pengertian kalimah ayat atau persoalan pengertian terhadap makna keseluruhan ayat. Selain itu, kaedah ini juga berdasarkan kepada soalan yang dikemukakan oleh pembaca mengikut kedalamannya (pembaca) (Halo-N 2016a).

Penggunaan kaedah ini adalah pada peringkat di wajah kedua (baca bersama pengertian).

- i) Contoh pada bab malam muka satu dalam jilid pertama:

Pengertian Ayat: Surah al-Fatiyah: 1. Firman Allah s.w.t:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(al-Quran, al-Fatiyah 1:1)

Maksudnya:

Dengan nama Allah yang amat Pemurah lagi Maha Penyayang (Terjemahan dari buku *al-Fathun Nawa*).

Pertama: Soalan: Siapakah Dia-Allah itu?

Jawabnya: Dialah diri zat di hakikat:

Kedua: Soalan: Apakah yang dimaksudkan dengan kalimah: Ar-Rahman- (Maha Pemurah)?

Jawabnya: Ianya adalah kenyataan sifat kerja kekuasaan Tuhan yang memberi rahmat dengan ternyatanya sifat Maha Pengasih di hakikat kerja-Nya pada surah al-Rahman ayat 1-4 (Bukti ayat 2) dan surah Taha ayat 5 hingga 8 (Bukti ayat 2).

g. Pentafshilan peringkat Pentafshilan *Imadul 'Iqad*

Konsep kaedah ini mentafshikan ayat-ayat al-Quran berdasarkan kepada empat tiang pegangan kehidupan yang boleh dihasilkan oleh ayat-ayat berkenaan. Empat tiang tersebut adalah, *al-Aayah* (prinsip dan falsafah), *al-Bayan* (konsep dan idea), *al-Burhan* (pendidikan dan hikmah) dan *al-Furqan* (pembaharuan) (Halo-N 2016a).

Halo-N menyatakan keempat-empat peranan tersebut sebenarnya mampu dilihat dalam setiap satu ayat al-Quran yang diperbincangkan.

- i) Contoh pada peringkat di wajah kedua (baca bersama pengertian) pada jilid pertama:

Huraian pengertian surah al-Fatiyah ayat 2 dan di datangkan surah al-Ankabut ayat 63.

Catitan: (Surah al-Ankabut 29:63)

Klasifikasi ayat al-Aayah (punca prinsip dan falsafah):

“Ayat ini secara jelas menerangkan prinsip tanda seseorang yang berakal. Di mana ianya tidak akan sekali-kali melengahkan lidahnya untuk berkata: Alhamdulillah, apabila dirinya menerima satu-satu nikmat dari Tuhan. Satu prinsip yang teramat mudah untuk dibuat tetapi teramat payah untuk dijadikan tabiat kehidupan. Satu kelemahan yang perlu diperhatikan oleh setiap manusia yang memperakui nikmat Tuhan.”

(Di maqam: La’in syakartum la azidannakum wala’in kafartum inna ‘azaabil lasyadid- surah Ibrahim 14:7). Maka fikir-fikirkanlah di hakikat lidah tidak akan tercalar jika dia melafazkannya” (Halo-N 2016a).

h. Pentafshilan peringkat Pentafshilan *Waraqatul Launah*

Kaedah ini digunakan pada peringkat di wajah keempat (baca dengan mendefinisi istilah). Halo-N memberikan maksud istilah *waraqatul launah* sebagai ‘cebisan helaian daun-daun berwarna’.

i) Contoh pada bab malam muka satu dalam jilid pertama:

Soalan: Apakah maksud *Nasta’in* – (Di konteks pertolongan Tuhan)?

Jawab: Istilah *Nasta’in*.

“Bolehlah diterangkan sebagai satu bentuk pemberian yang berupaya menghasilkan kegembiraan dan ketenangan hati kepada seseorang apabila terarcanya kesempurnaan kehendak dan keperluan hidupnya di dunia dan di akhirat di wajah kesejahteraan dan redha pada rupa kesimpulan konsep:

وَمَا جَعَلَ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَى لَكُمْ وَتَطْمِئْنَى قُلُوبُكُمْ بِهِ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ

(al-Quran. Ali-Imran 3:126)

Maksudnya:

Tiadalah Allah memberi pertolongan itu melainkan untuk kegembiraan bagi mu dan supaya tenteram hati mu dan tidaklah pertolongan itu melainkan dari sisi Allah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana (Terjemahan)

i. Pentafshilan peringkat Pentafshilan ‘Urwatul Wuthqa

Kaedah pentafshilan ‘Urwatul Wuthqa bermaksud kaedah pentafshilan al-Quran yang boleh menghasilkan rumusan atau kesimpulan dari mana-mana ayat al-Quran yang dibincangkan. Satu kesimpulan keteguhan tali pegangan kehidupan yang akan membawa manusia itu tunuk kepada Allah s.w.t. Kaedah ini digunakan pada peringkat di wajah kelima (baca dengan pemahaman tersirat) (Halo-N 2016a). Kaedah ini dibentuk berdasarkan firman Allah S.W.T pada surah al-Baqarah ayat 256.

i) Contoh pada peringkat di wajah keenam (Baca dengan pemahaman tersirat):

Pemahaman Tersirat Ayat (al-Fatihah: 2)

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

(al-Quran, al-Fatihah 1:2)

Maksudnya:

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam (Terjemahan dari buku *al-Fathun Nawa*).

Soalan: Apakah bentuk pemahaman tersirat yang perlu di arcakan oleh seseorang pada hati dan fikirannya, apabila membaca: *Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin-* (Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian Alam)?

Jawab: Bulatkan tekad pada hati dan fikiran.

Bahawa dalam hidup sehari-hari, empat perkara yang perlu diarcakan dikalamembaca: *Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin.*

Pertama: Tentukan tertumbuhnya perasaan bersyukur kepada Tuhan pada setiap masa di sepanjang hayat. (Surah al-Baqarah 152).

Namun di sini, penulis hanya mendatangkan sebahagian contoh sahaja, kerana huraian yang dikemukakan oleh Halo-N sangat panjang.

j. Pentafshilan peringkat Pentafshilan *Shamsuqamarul Munir*

Kaedah pentafshilan *Shamsuqamarul Munir* adalah untuk membuktikan tiada pertentangan makna diantara mana-mana ayat al-Quran dan tanggapan bahawa wujud pertentangan diantaranya adalah salah. Maka persoalan tersebut akan terjawab bila pembaca al-Quran menggunakan kaedah ini. Kaedah ini dibentuk berdasarkan daripada surah al-Shams ayat 1-4.

k. Pentafshilan peringkat Pentafshilan *Taqtif Qata'in*

Menurut Halo-N, maksud *Taqtif Qata'in* adalah petikan dalil *qat'ie*. Oleh itu, konsep kaedah ini adalah berdasarkan pengambilan *naqli* yang mana al-Quran boleh mentafsirkan dan mentafshilkan al-Quran itu sendiri. Kaedah ini dibentuk berdasarkan daripada surah al-Nahl ayat 125. Huraian pada kaedah ini sedikit panjang dan memerlukan satu perbahasan yang lain.

l. Pentafshilan peringkat Pentafshilan *Syarahun Nabi s.a.w*

Halo-N menyatakan bahawa kaedah pentafshilan *syarahun Nabi s.a.w* diperkenalkan untuk membuktikan hadith boleh dijadikan sebagai sumber pentafshil al-Quran.

Menurut Halo-N, hadith juga mampu mentafshilkan ayat al-Quran walaupun hadith-hadith tersebut dinilai sebagai hadith palsu (*maudu'*) oleh para ulama hadith. Selain itu, beliau juga mengklasifikasikan hadith kepada tiga bahagian. Pertama, hadith *mughallazah* bermaksud hadith yang palsu yang mana matan yang dikatakan hadith itu bukan bersumberkan dari Nabi Muhammad s.a.w ketika menerangkan mana-mana ayat al-Quran. Kedua, hadith *mutanajjis* ialah hadith yang telah dinilai sebagai hadith sahih dan *dha'if*, tetapi gagal mentafsirkan ayat al-Quran. Ketiga, hadith al-Quran yang mana hadith yang boleh digunakan untuk menjelaskan al-Quran sama ada hadith sahih, *dha'if* dan juga walaupun dinilai sebagai hadith palsu (Halo-N 2016a).

5. Kesimpulan

Latar belakang keilmuan seseorang itu turut mempengaruhi dalam penghasilan sesebuah karya. Jika dilihat, Halo-N hanya mendapat pendidikan al-Quran secara tidak formal melalui datuknya sendiri. Kemudian, beliau turut mempunyai pendidikan dalam bidang sains. Namun kerana keinginan yang tinggi untuk mendalami bidang al-Quran menyebabkan beliau menghasilkan penulisan sebegini. Meskipun Halo-N bukanlah seorang mufassir yang mahir dalam menulis kitab-kitab tafsir, namun percubaan yang di lakukan oleh Halo-N menemukan kepada suatu sudut lain pemahaman manusia terhadap al-Quran berikutan pengaruh pendidikan

yang beliau peroleh. Ini bertitik tolak daripada pandangan beliau yang menyatakan kaedah-kaedah pentafsiran sebelum yang sudah tidak relevan dengan zaman sekarang dan perlu kepada kaedah yang baru.

Walaupun dalam pentafsiran al-Quran beliau menyatakan bahawa menggunakan konsep kaedah al-Quran mentafsirkan al-Quran yang termasuk dalam tafsir *bi al-ma'thur*, namun berbeza dengan ulama tafsir. Hal ini jelas, apabila Halo-N mentafsirkan setiap ayat-ayat al-Quran dan setiap padanya ada penjelasan ayat al-Quran yang lain. Namun, para ulama tafsir sebelum ini tidak melakukan hal yang sedemikian, kerana tidak semua ayat-ayat al-Quran memerlukan kepada penjelasan ayat yang lain, melainkan sebahagiannya sahaja. Didapati pendekatan *tafsir bi al-ra'yi* adalah lebih dominan dalam buku *al-Fathun Nawa* ini yang mana Halo-N banyak menggunakan ijihadnya sendiri. Dari segi penterjemahan ayat al-Quran juga tidak mengikut maksud yang dikehendaki. Selain itu, pendapat Halo-N mengenai hadith juga perlu diberi perhatian dan dikaji kerana pandangannya yang berbeza dengan jumurul ulama.

Oleh itu, aplikasi kaedah tafsir ini perlu dikaji dan diketengahkan kepada masyarakat agar mereka dapat mengenalpasti dan berhati-hati ketika membuat rujukan terhadapnya. Pemahaman dan pentafsiran serta terjemahan berkaitan al-Quran bukanlah perkara yang boleh dilakukan secara sebarang dan bebas melainkan perlu terikat dengan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan peraturannya oleh para ulama dan mempunyai metodologi yang sah (Mazlan Ibrahim et.al 2013).

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abdullah al-Qari. 2006. *Detik-Detik Sejarah Hidup Tuk Kenali*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdullah al-Qari. 2009. *Tuk Kenali Penggerak Ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Basmeih. 2000. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Anon. 2014. KDN Warta Perintah Larangan Penerbitan Terhadap Dua Buku. *Utusan Malaysia*, 11 Jun.
- Atabik Luthfi. 2004. Penterjemahan dan Pentafsiran al-Quran di Indonesia; Kajian terhadap perkembangan metodologi dan penyelewengan pentafsiran. Tesis Dr. Fal, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halo-N. 2015a. *Al-Fathun Nawa*. Jil. 1. Batu Caves: Hafizul Publications.
- Halo-N. 2015b. *Khazanah Malaya*. Jil. 1. Batu Caves. Hafizul Publications.
- Halo-N. 2016a. *Al-Fathun Nawa*. Jil. 4. Batu Caves: Hafizul Publications.
- Halo-N. 2016b. *Halawa al-Fathun Nawa*. Batu Caves: Hafizul Publications.
- Halo-N. 2016c. *Tadabbarul Qurana Tartila*. Batu Caves. Hafizul Publications.
- Halo-N. 2016d. *Patisari Khazanah Malaya*. Batu Caves. Hafizul Publications
- Halo-N. 2016e. Metodologi Penulisan dan Pentafsiran Buku al-Fathun Nawa. Bangi.Temubual, 20 Oktober.
- Ibn Taymiyyah, Taqi al-Din Ahmad ibn Abd al-Halim. t.th. *Usul al-Tafsir*. t.tp. t.pt
- Ibn Taymiyyah, Taqiu al-Din Ahmad ibn Abd Halim. 1989. *Mugaddimah fi Usul al-Tafsir*. Terj. Su'di Sa'ad. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Manna' al-Qatan. 1997. *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Mazlan Ibrahim, Kamaruddin Salleh & Muhd Najib Abdul Kadir. 2013. *Modernis Melayu dan Tafsiran al-Quran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Thameem Ushama. 2000. *Metodologi Tafsir Al-Quran*. Terj: Hasan Bashri & Amroeni. Jakarta: Penerbitan Riora Cipta.

Internet

<http://www.hafizul.com.my/> [25 November 2016].

<http://www.gusipeaceprizeinternational.org/past-laureates.html> [24 November 2016].

<http://wpfunesco.org> [27 November 2016].

<http://www.wpfunesco.org/eng/univ/prof.htm> [27 November 2016]